

## PANDUAN UMUM BERKAITAN KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PEMBANTU PENYELIDIK

Mesyuarat Penyelarasan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM Bil. 7/2015 telah bersetuju untuk penyelarasan tuntutan elaun pembantu penyelidik seperti jadual di bawah.

Pematuhan kaedah tuntutan ini berkuatkuasa sepenuhnya mulai 01 Januari 2016. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.

	Jenis Jawatan	Kadar Tuntutan
1.	Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)  - Lantikan elaun bulanan	i) Dipohon oleh pelajar pasca siswazah UTHM ii) Jumlah tuntutan bulanan mengikut surat lantikan iii) Jumlah hari bekerja tidak tertakluk minima 20 hari bekerja iv) Tuntutan yang tidak direkod perlu dokumen yang disahkan oleh Ketua Projek
2.	Pembantu Penyelidik (RA)  - Lantikan elaun bulanan	i) Dipohon oleh individu yang dilantik oleh Ketua Projek (bukan pelajar pasca siswazah) ii) Tuntutan berdasarkan rekod kehadiran dan perlu minimum 20 hari bekerja rasmi (termasuk cuti umum) iii) Tuntutan yang tidak direkod perlu dokumen yang disahkan oleh Ketua Projek iv) Rekod kehadiran yang tidak mencukupi minimum 20 hari bekerja (tidak termasuk cuti umum) akan dikira secara berkadar (pro-rate) mengikut jumlah hari bekerja.  <u><b>Contoh :</b></u> Kelayakan elaun bulanan RM 1300.00  Kelayakan 1 hari adalah : $RM\ 1,300.00 / 20\ hari = RM\ 65.00\ sehari$  Hari bekerja bulan semasa = 19 hari Tuntutan yang layak di bayar $= 19\ hari \times RM\ 65.00 = \mathbf{RM\ 1,235.00}$
3.	Pembantu Penyelidik (RA)  - Lantikan elaun harian	i) Dipohon oleh individu yang dilantik oleh Ketua Projek (bukan pelajar pasca siswazah UTHM) ii) Tuntutan berdasarkan rekod kehadiran harian iii) Tuntutan yang tidak direkod perlu dokumen yang disahkan oleh Ketua Projek

	<b>Jenis Jawatan</b>	<b>Kadar Tuntutan</b>
4.	Skim Pelajar Bekerja - Lantikan elaun mengikut jam bekerja	i) Dipohon oleh pelajar UTHM yang dilantik oleh Ketua Projek ii) Jumlah tuntutan mengikut jumlah jam bekerja dan tidak melebihi 8 jam sehari
5.	Pembantu Kerja Lapangan - Lantikan elaun mengikut aktiviti - Lantikan elaun bulanan	i) Dipohon oleh pelajar atau staf UTHM serta individu luar yang dilantik oleh Ketua Projek ii) Jumlah tuntutan mengikut jenis aktiviti iii) Tuntutan bulanan tertakluk kepada minima 20 hari berkerja rasmi (termasuk cuti umum) iv) Tuntutan maksima bagi elaun bulanan adalah RM 600.00 v) Rekod kehadiran yang tidak mencukupi minimum 20 hari bekerja (tidak termasuk cuti umum) akan dikira secara berkadar (pro-rate) mengikut jumlah hari bekerja.  <b>Contoh :</b> Kelayakan elaun bulanan RM 600.00 sebulan Kelayakan 1 hari adalah : $RM\ 600.00 / 20\ hari = RM\ 30.00\ sehari$ Hari bekerja bulan semasa = 19 hari Tuntutan yang layak di bayar $= 19\ hari \times RM\ 30.00 = \mathbf{RM\ 570.00}$